



# Symposium **KECEMERLANGAN OPERASI** 15 OKTOBER 2018

**INTEKMA RESORT & CONVENTION CENTRE**

**KECEMERLANGAN OPERASI MEMACU KECEKAPAN PENGURUSAN**



## **Isi Kandungan**

Latar Belakang

**1**

Kata Aluan

**2 - 4**

Biodata Penceramah Jemputan

**5**

Aturcara Simposium

**6**

Proses Penilaian Anugerah Kecemerlangan Operasi 2018

**8 - 18**

Senarai Jawatankuasa Induk

**20**

Senarai Jawatankuasa Pelaksana

**21 - 23**

Penghargaan Penaja

**24**

## **Latar Belakang**

Kecemerlangan Operasi mula dilaksanakan pada Jun 2016 atas inisiatif Naib Canselor UiTM sebagai salah satu Projek Keutamaan yang perlu digerakkan oleh pihak InQKA. InQKA telah diberi kepercayaan untuk menerajui pelaksanaan Kecemerlangan Operasi di UiTM bagi memastikan penambahbaikan proses berlaku secara berterusan dan menghasilkan penjimatan dari segi kos, masa, bilangan tenaga kerja dan berupaya meningkatkan kepuasan hati pelanggan. Aktiviti penambahbaikan proses juga mampu meningkatkan indeks kegirangan warga UiTM. Pencapaian projek yang membanggakan pada tahun 2017 telah menjadikan Kecemerlangan Operasi sebagai satu aktiviti tahunan universiti untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan prestasi pengurusan. Pada tahun 2018, sebanyak RM7,344,193.45 juta telah dijimatkan, Pengurangan masa kerja 360 hari, pengurangan tenaga kerja 76 orang, pengurangan jumlah aduan pelanggan 80 dan peningkatan kadar kepuasan hati pelanggan 18.78%.

Simposium Kecemerlangan Operasi 2018 diadakan di UiTM bagi memberi pengiktirafan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang telah melaksanakan penambahbaikan proses masing-masing. Bertemakan “*Kecemerlangan Operasi Memacu Kecekapan Pengurusan*” diharapkan simposium ini dapat memberikan motivasi dan semangat kepada semua warga UiTM untuk membudayakan penambahbaikan proses di PTJ masing-masing melalui inovasi dan kreativiti di dalam melaksanakan proses kerja.

## **OBJEKTIF PROGRAM**

Pelbagai objektif telah disasarkan sempena penganjuran Simposium pada tahun ini. Objektif utama adalah untuk:

1. Menghargai penglibatan semua PTJ dalam aktiviti Kecemerlangan Operasi.
2. Berkongsi idea serta pengalaman dengan pihak industri dalam aktiviti-aktiviti penambahbaikan proses dan memahami keperluan pelanggan.
3. Menggalakkan PTJ menyebarluaskan aktiviti penambahbaikan proses kerja yang telah dilaksanakan dan memudahkan proses ini dilaksanakan ke seluruh sistem UiTM.
4. Memupuk budaya Kecemerlangan Operasi di seluruh sistem UiTM.

## **PESERTA**

Simposium ini disertai oleh *OE Champion*, Ketua Unit Kualiti dan *Operational Excellence Trainer* dari 79 PTJ yang terlibat. Pihak InQKA juga telah menjemput penceramah jemputan iaitu Encik Mohd. Zamri bin Baharudin, Pengurus Besar, Perodua Global Manufacturing Sdn. Bhd. untuk sesi perkongsian ilmu dan pengalaman dalam amalan penambahbaikan proses dan memahami keperluan pelanggan.

## KATA ALUAN PENAUNG

YBhg. Prof Emeritus Dato' Dr. Hassan Said  
(Naib Canselor, UiTM)

**Assalamualaikum dan salam sejahtera.**

Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, Simposium Kecemerlangan Operasi (OE) 2018 dapat diuruskan oleh Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) dengan jayanya. Pembudayaan Kecemerlangan Operasi di seluruh kampus UiTM telah mula dilaksanakan pada tahun 2016 dan terus berkembang sehingga ke hari ini. Ianya dapat dibuktikan melalui pertambahan bilangan penyertaan dari Pusat Tanggungjawab (PTJ) di seluruh pelusuk UiTM bagi melaksanakan penambahbaikan proses kerja.



Simposium Kecemerlangan Operasi merupakan program tahunan yang diadakan bagi meraikan semangat dan pengorbanan yang telah ditunjukkan oleh semua warga UiTM ke arah kecemerlangan operasi. Penambahbaikan proses yang dilakukan telah memberi impak positif kepada Pengurusan Universiti melalui penjimatan kos, masa, sumber manusia, mengurangkan aduan pelanggan dan seterusnya dapat meningkatkan kadar kegirangan di kalangan warga UiTM. Saya yakin dan percaya, dengan pegangan yang kuat terhadap budaya Kecemerlangan Operasi UiTM akan terus relevan dan kekal di hati pelanggan.

Kita perlu membudayakan Kecemerlangan Operasi di kalangan warga UiTM untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pengurusan seterusnya menjadikan kita sebuah universiti yang disegani oleh pelbagai pihak. Sebanyak 79 PTJ telah mendaftar proses kerja melalui sistem Online Process Improvement Register (OPIR). Hasilnya, sebanyak 257 proses telah didaftarkan dan sebanyak 173 proses telah berjaya ditambahbaik. Jumlah penjimatan yang telah dihasilkan pada tahun ini adalah sebanyak RM 7,344,193.45.

Secara tuntasnya, Kecemerlangan Operasi berupaya untuk memacu kecekapan pengurusan universiti sebagai sebuah organisasi yang terbesar di negara ini. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga UiTM di atas komitmen dan usaha yang telah diambil untuk membudayakan penambahbaikan proses universiti. Sekalung tahniah kepada InQKA kerana telah berjaya merancang dan melaksanakan inisiatif Kecemerlangan Operasi dan seterusnya menjadi penganjur kepada Simposium Kecemerlangan Operasi peringkat UiTM buat kali ke-2.

Semoga pembudayaan Kecemerlangan Operasi di kalangan warga UiTM dapat memberi impak berterusan untuk melonjakkan nama UiTM ke persada dunia.

Sekian, terima kasih.

## KATA ALUAN PENASIHAT

YBhg. Prof Dr. Hajah Roziah Mohd Janor  
(Penolong Naib Canselor, InQKA)

**Assalamualaikum dan salam sejahtera.**

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, Simposium Kecemerlangan Operasi 2018 dapat dilaksanakan di INTEKMA Resort and Convention Centre, Shah Alam pada 15 Oktober 2018 dengan jayanya. Saya secara peribadi berbesar hati ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) yang telah bertungkus-lumus untuk merealisasikan simposium ini.



Unit Sistem Kualiti & Kecemerlangan Operasi (SKKO), InQKA telah menjalankan beberapa siri bengkel Kecemerlangan Operasi (OE) dan bengkel *Online Process Improvement Register* (OPIR) bagi membantu seluruh PTJ UiTM dapat membudayakan penambahaikan proses di dalam aktiviti harian. Penambahbaikan proses merupakan perkara asas yang perlu dilaksanakan bagi memberi jaminan kepada kualiti pengurusan dan peningkatan kepuasan hati pelanggan. Sebanyak 79 PTJ telah terlibat secara langsung di dalam perlaksanaan Kecemerlangan Operasi di kampus masing-masing. Sebanyak 173 proses telah ditambahbaik dan dinilai mengikut kategori yang ditetapkan. Proses saringan dan penilaian dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti proses-proses yang memenuhi kriteria penambahbaikan, diikuti dengan penilaian pemarkahan oleh panel yang berpengalaman, dan seterusnya penilaian akhir dibuat untuk menobatkan pemenang Anugerah Kecemerlangan Operasi 2018 .

Akhir kata, syabas kepada semua warga universiti yang telah berusaha untuk menambahbaik proses masing-masing melalui pelaksanaan Kecemerlangan Operasi UiTM dan sekalung tahniah kepada semua PTJ yang terpilih sebagai penerima anugerah pada kali ini. Besar harapan kami agar Simposium Kecemerlangan Operasi ini dapat memberikan ruang kepada semua PTJ berkongsi idea dan pengalaman dan seterusnya dapat menyuntik semangat kepada semua warga untuk membudayakan aktiviti penambahbaikan proses yang dapat menyumbang kepada kecekapan pengurusan UiTM. Ribuan terima kasih juga kepada semua organisasi yang sudi memberi tajaan sempena penganjuran Simposium Kecemerlangan Operasi 2018.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

### **KATA ALUAN PENGERUSI**

Prof Madya Dr. Ts. Nik Rosli Abdullah

(Pengarah Sistem Kualiti & Kecemerlangan Operasi, InQKA)

#### **Assalamualaikum dan salam sejahtera.**

Alhamdulillah, marilah sama-sama kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Ilahi kerana dengan RahmatNya, Simposium Kecemerlangan Operasi (OE) dapat dianjurkan oleh InQKA dengan jayanya. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua warga InQKA yang telah bertungkus lumus untuk menjayakan symposium OE pada tahun ini.



Objektif utama simposium adalah untuk memberi pengiktirafan kepada semua warga UiTM yang terlibat di dalam membudayakan Kecemerlangan Operasi di Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing. Penambahbaikan yang dilakukan telah memberi impak kepada universiti terutamanya dari segi penjimatan kos, masa, sumber manusia serta peningkatan kepuasan hati pelanggan. Selain dari itu, simposium ini juga dapat menyediakan ruang perkongsian idea dan pandangan antara PTJ untuk membudayakan penambahbaikan proses di setiap peringkat. Setiap PTJ berpeluang untuk berkongsi idea dan pengalaman di dalam aktiviti penambahbaikan proses kerja masing-masing untuk meningkatkan kepuasan hati pelanggan. Perkongsian daripada wakil industri juga penting untuk sama-sama kita hayati dan seterusnya amalkan di seluruh sistem UiTM. Besar harapan kami agar simposium ini dapat memberi semangat dan kekuatan kepada seluruh warga UiTM untuk membudayakan penambahbaikan proses di PTJ masing-masing.

Syabas diucapkan kepada semua warga Unit Sistem Kualiti & Kecemerlangan Operasi khasnya dan semua warga InQKA amnya kerana telah memberi sokongan dan kerjasama yang padu bagi merealisasikan simposium pada tahun ini. Dengan keutuhan semangat kekitaan dan sanggup berkorban menjadikan teras kepada kejayaan simposium ini. Penglibatan daripada semua PTJ di dalam aktiviti ini juga penyumbang kepada kejayaan yang dicapai oleh UiTM. Saya juga ingin merakamkan berbanyak terima kasih kepada Perodua Global Manufacturing Sdn. Bhd. kerana sudi menerima jemputan kami untuk sesi perkongsian ilmu dan pengalaman industri di dalam aktiviti-aktiviti penambahbaikan proses.

Akhir kata dari saya, kami warga InQKA berasa bertuah kerana diberi kepercayaan untuk mengendalikan simposium ini. Sekalung tahniah diucapkan kepada semua penerima Anugerah Kecemerlangan Operasi dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang telah menjayakan simposium 2018. Semoga usaha yang sedikit ini dapat memberi impak yang besar kepada universiti dan seterusnya menjadikan UITM senantiasa dihormati dan disanjungi oleh pelbagai pihak.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**BIODATA PENCERAMAH JEMPUTAN**

Encik Mohd Zamri Baharudin  
(Pengurus Besar, Perodua Global Manufacturing Sdn. Bhd)

Encik Mohd Zamri bin Baharuddin merupakan Pengurus Besar, Perodua Global Manufacturing Sdn. Bhd. (PGMSB) yang bertugas di Bahagian Perancang Pengeluaran dan Logistik. Beliau mula berkhidmat bersama PGMSB pada tahun 2014 setelah berpengalaman luas di dalam bidang yang sama selama 14 tahun bertugas di Perodua Manufacturing Sdn. Bhd (PMSB).



Encik Mohd Zamri mendapat kelulusan dari Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1999 di dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal. Mula berkhidmat bersama PMSB pada Ogos 1999 sebagai Jurutera di Bahagian Perancang Pengeluaran dan Logistik. Prestasi kerja yang cemerlang telah mendapat kepercayaan pihak pengurusan PMSB untuk melantik beliau sebagai Pembantu Pengurus pada tahun 2004 dan seterusnya diberi tanggungjawab yang lebih besar oleh PMSB sebagai Pengurus Kanan pada tahun 2010.

Dengan reputasi kecemerlangan di dalam pengurusan dan telah banyak menghasilkan penambahbaikan di bahagian perancang pengeluaran dan logistik, beliau telah terpilih untuk menyertai kumpulan PGMSB sebagai Pengurus Besar. Beliau kini diberi tanggungjawab sepenuhnya untuk membuat perancangan pengeluaran dan logistic PGMSB.

**ATURCARA**  
**SIMPOSIUM KECEMERLANGAN OPERASI 2018**

MASA	ATURCARA
<b>8:30 Pagi</b>	Pendaftaran Peserta dan Minum Pagi
<b>9:00 Pagi – 10:00 Pagi</b>	Nyanyian Lagu Negaraku Nyanyian Lagu Wawasan Setia Warga UiTM Bacaan Doa Ucapan Aluan <b>YBhg. Prof. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor,</b> Penolong Naib Canselor InQKA Ucapan Perasmian <b>YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Hassan Said,</b> Naib Canselor UiTM Tayangan Montaj
<b>10:00 Pagi – 10:30 Pagi</b>	Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Operasi mengikut kategori: 1. Proses Terbaik 2. Proses Akademik 3. Proses Pentadbiran 4. Proses Kewangan 5. Juara Keseluruhan
<b>10:30 Pagi – 12:00 T/Hari</b>	Sesi Perkongsian Ilmu Pemenang Kecemerlangan Operasi 2018 Tiga Kategori (Akademik, Pentadbiran dan Kewangan)
<b>12:00 T/Hari – 1:00 Petang</b>	Sesi Perkongsian Daripada: <b>YBrs. Encik Mohd Zamri Baharudin,</b> Pengurus Besar, Perodua Global Manufacturing Sdn. Bhd
<b>1:00 Petang</b>	Penutup dan Makan Tengah Hari Majlis Bersurai



# Proses Penilaian Anugerah Kecemerlangan Operasi

2018

## Pendaftaran Proses Kecemerlangan Operasi

Kecemerlangan Operasi menggunakan sistem Online Process Improvement Register (OPIR) untuk pendaftaran proses kerja, pemantauan, pengukuran dan pelaksanaan penambahbaikan proses. Perancangan penambahbaikan dapat dilakukan lebih awal sebelum pendaftaran proses dilakukan ke dalam sistem OPIR. Konsep asas untuk mengenalpasti proses-proses yang perlu ditambahbaik untuk didaftarkan ke dalam OPIR adalah seperti berikut:

1. Analisa aduan pelanggan dan tentukan proses-proses yang berkaitan untuk penambahbaikan. Contohnya analisa terhadap Kajian Indeks Kegirangan Staf dan petakan kepada mana-mana proses yang terlibat.
2. Kenalpasti proses-proses utama yang menyumbang kepada pencapaian objektif PTJ
3. Daftarkan proses-proses utama yang berpotensi untuk ditambahbaik dan memberi impak yang tinggi kepada prestasi PTJ.

Pendaftaran proses dilaksanakan oleh OE Trainer ke dalam sistem OPIR untuk pemilihan dan kelulusan daripada Ketua Unit Kualiti dan OE Champion. Ketua Unit Kualiti dan OE Champion berperanan untuk memastikan proses yang didaftarkan berjaya ditambahbaik di PTJ masing-masing. Perancangan dan pelaksanaan yang holistik di peringkat akar umbi memainkan peranan dalam mencorak kejayaan terhadap proses-proses yang dipilih.



Figure 1: Proses Penambahbaikan Indeks Kegirangan Melalui OE

Pada tahun ini, sebanyak 79 PTJ di seluruh UiTM telah terlibat di dalam usaha untuk penambahbaikan proses masing-masing. Sebanyak 257 proses telah didaftarkan untuk ditambahbaik dan hanya 173 proses sahaja yang diselesaikan bermula Mac sehingga Ogos 2018 yang lalu. Pelbagai penjimatan telah dicapai melalui pengukuran kos, masa, tenaga kerja dan peningkatan kepuasan pelanggan. Penambahbaikan yang dilakukan menyumbang kepada penjimatan, mudah dilaksanakan dan difahami.

Penelitian awal telah dilaksanakan oleh Unit Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi, InQKA pada 20 hingga 24 Ogos untuk mengenalpasti proses-proses yang memenuhi keperluan dan kriteria yang telah ditetapkan. Daripada 173 proses, sebanyak 72 proses telah dipilih untuk penilaian peringkat pertama.

#### **STATISTIK BILANGAN PROSES YANG TELAH DITAMBAHBAIK MENGIKUT KATEGORI**

NO.	KATEGORI	JUMLAH PROSES
1	Pentadbiran	114
2	Akademik	50
3	Kewangan	9
<b>Jumlah</b>		<b>173</b>

#### **Proses Penilaian Peringkat Pertama**

Penilaian peringkat pertama telah diadakan pada 7 September 2018 oleh 5 orang panel penilai yang berpengalaman dari pelbagai bidang seperti akademik, pentadbiran, kewangan dan ICT. Penilaian dilakukan secara berperingkat mengikut kategori dan dinilai oleh 3 orang panel penilai. Markah purata akan diambilkira untuk penilaian yang seterusnya bagi memilih proses yang layak untuk menerima Anugerah Kecemerlangan Operasi 2018. Panel penilai memberi tumpuan terhadap penjimatan dan bukti-bukti sokongan yang selari dengan pencapaian. Kajian dan verifikasi dilaksanakan ke atas proses-proses yang terlibat dengan penjimatan kos, masa, sumber manusia dan tahap kepuasan hati pelanggan.

#### **Senarai Panel Penilai Peringkat Pertama**

BIL	NAMA	JAWATAN	PTJ
1	Prof. Madya Dr. Ramlan Zailani	Profesor Madya	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
2	Encik Mohd Hairy Mohammadiah	Timbalan Pegawai Teknologi Maklumat Kanan	Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur
3	Puan Rosilawati Abdul Jamil	Timbalan Pendaftar Kanan	Fakulti Senibina, Perancangan & Ukur
4	Puan Junita Jamaludin	Timbalan Bendahari Kanan	Jabatan Pengurusan Akaun & Sistem Kewangan, Pejabat Bendahari
5	Prof. Madya Dr. Ts. Nik Rosli Abdullah	Pengarah	Sistem Kualiti & Kecemerlangan Operasi, InQKA

### **Penilaian Peringkat Akhir**

Sebanyak 11 proses telah dipilih untuk dipertimbangkan di peringkat akhir oleh YBhg. Prof Emeritus Dato' Dr. Hassan Said, Naib Canselor UiTM.

#### **Kriteria Penilaian**

Penilaian proses penambahbaikan dilaksanakan dengan menggunakan skema pemarkahan yang disediakan oleh Unit Kecemerlangan Operasi, InQKA. Skema pemarkahan terdiri daripada 7 kriteria asas yang dinilai oleh panel. Kriteria yang terlibat adalah seperti di bawah:

1. Peratusan penambahbaikan proses
2. Penjimatan sumber kewangan
3. Penjimatan masa
4. Perbezaan peratusan aduan pelanggan
5. Signifikan proses
6. Komitmen Pengurusan Atasan
7. Inisiatif pasukan OE PTJ

Jumlah markah untuk kesemua kriteria akan diambilkira untuk pemilihan penerima anugerah.

#### **Pengiktirafan Penambahbaikan Proses**

Pengiktirafan dan anugerah diberikan kepada tiga (3) kategori iaitu:

1. Akademik
2. Pentadbiran
3. Kewangan

Satu (1) hadiah utama (*Super Saver*) dianugerahkan kepada pemenang keseluruhan.

#### **Kriteria Pemilihan Untuk Penilaian Akhir**

1. Markah daripada panel penilaian peringkat pertama.
2. Penjimatan yang dilakukan meliputi pelbagai segi seperti kos, masa dan sumber.
3. Keyakinan impak proses kepada organisasi dan pelanggan.
4. Bukti-bukti penjimatan dan maklumbalas pelanggan yang disertakan.
5. Berpotensi untuk dikembangkan di setiap PTJ UiTM.

#### **Anugerah Kecemerlangan Operasi 2018**

Penilaian dibuat mengikut kategori proses dan daripada setiap kategori tiga (3) pemenang akan dipilih. Anugerah yang akan diberikan adalah seperti berikut:

1. Pemenang Keseluruhan (*Super Saver*)
2. Tempat Pertama bagi setiap kategori
3. Tempat Kedua bagi setiap kategori
4. Tempat Ketiga bagi setiap kategori

Pemenang-pemenang anugerah akan menerima Sijil dan Trofi

**Senarai Proses yang ditambahbaik oleh PTJ****Kategori: Akademik (50 Proses)**

<b>NO.</b>	<b>NAMA PROSES</b>	<b>PTJ</b>
<b>1</b>	Pengurusan Permohonan Transkrip Rasmi	Pejabat Pendaftar
<b>2</b>	Proses Permohonan Pelajar Antarabangsa	Institut Pengajian Siswazah (IPSIIS)
<b>3</b>	Prosedur Penyelenggaraan Ruang dan Peralatan Pembelajaran	Fakulti Sains Gunaan
<b>4</b>	Prosedur Pengendalian dan Penilaian Latihan Praktik	Fakulti Sains Gunaan
<b>5</b>	Happiness Index – Sistem Pemantauan	Fakulti Senibina, Perancangan & Ukur
<b>6</b>	Proses Penjimatan Elektrik	Fakulti Senibina, Perancangan & Ukur
<b>7</b>	Prosedur Penyediaan Jadual Waktu Kuliah	Fakulti Sains Sukan & Rekreasi
<b>8</b>	Prosedur Pengendalian dan Penilaian Latihan Industri	Fakulti Sains Sukan & Rekreasi
<b>9</b>	Prosedur Penyediaan Kertas Soalan Peperiksaan Akhir	Fakulti Sains Sukan & Rekreasi
<b>10</b>	Proses Pengendalian Markah Peperiksaan Pelajar	Fakulti Perubatan
<b>11</b>	Prosedur Penyediaan Kertas Soalan Peperiksaan	Fakulti Farmasi
<b>12</b>	Prosedur Pengendalian Kuliah	Fakulti Sains Kesihatan
<b>13</b>	Prosedur Pengurusan Makmal	Fakulti Kejuruteraan Awam
<b>14</b>	Prosedur Pendaftaran Pasca Ijazah	Fakulti Kejuruteraan Awam
<b>15</b>	Prosedur Penyediaan Dan Penyerahan Kertas Cadangan Penyelidikan	Fakulti Kejuruteraan Awam
<b>16</b>	Course Failure Rate Improvement Project 2018	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
<b>17</b>	Student Mobility Programme 2018	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
<b>18</b>	Publication 2018	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
<b>19</b>	Proses Penyediaan Kertas Soalan Peperiksaan Akhir	Fakulti Perladangan & Agroteknologi
<b>20</b>	Proses Pengendalian Latihan Industri Pelajar	Fakulti Perladangan & Agroteknologi
<b>21</b>	Proses Pembentangan Projek Tahun Akhir Pelajar	Fakulti Perladangan & Agroteknologi
<b>22</b>	Prosedur Penyelenggaraan Peralatan Dan Ruang	Fakulti Seni Lukis & Seni Reka
<b>23</b>	Kawalan Produk Yang Tidak Memenuhi Spesifikasi V2.0	Fakulti Filem, Teater Dan Animasi
<b>24</b>	Aduan Pelanggan V2.0	Fakulti Filem, Teater Dan Animasi
<b>25</b>	Proses Pengendalian Peperiksaan Studio	Fakulti Muzik

NO.	NAMA PROSES	PTJ
26	Proses Pengurusan Markah Performing Group	Fakulti Muzik
27	Proses Penyediaan Jadual Waktu	Fakulti Muzik
28	Pengendalian Aduan & Maklumbalas Pelanggan	Fakulti Perakaunan
29	Pengendalian Portfolio Pengajaran	Fakulti Perakaunan
30	Proses Penyelenggaraan Peralatan Ict	Fakulti Pengurusan Perniagaan
31	Proses Penyediaan Kertas Soalan Peperiksaan Akhir	Fakulti Pengurusan Perniagaan
32	Pengurusan Kaca	Fakulti Pengurusan Maklumat
33	Pengurusan Urusetia Pemantauan Profesionalisma Pensyarah (Pro-Pens)	Fakulti Pengurusan Maklumat
34	Pengurusan Jadual Waktu Kuliah V2/2018	Fakulti Pengurusan Maklumat
35	Pengurusan Permohonan Mengadakan Aktiviti Pelajar	Pusat Asasi Utim
36	Pendaftaran Kursus Pelajar	Pusat Asasi Utim
37	Proses Penyediaan Tempat Peperiksaan	UiTM Cawangan Sabah
38	Proses Semakan Jadual Waktu Dan Nombor Meja Peperiksaan Akhir	UiTM Cawangan Kelantan
39	Proses Penyediaan Sampul Transkrip	UiTM Cawangan Kelantan
40	Proses Pemilihan Anugerah Pelajar Cemerlang	UiTM Cawangan Kelantan
41	Pengurusan Fail Dan Portfolio Kursus Hea	UiTM Cawangan Terengganu
42	Sistem Indus-Train	UiTM Cawangan Pahang
43	Accounting On The Block	UiTM Cawangan Pahang
44	e-Test Calendar	UiTM Cawangan Pahang
45	Sistem Bersepadu Penilaian Projek Tahun Akhir Ijazah Sarjana Muda Fizik As203 (F-Aist)	UiTM Cawangan Pahang
46	Pengurusan Latihan Industri (Fspu)	UiTM Cawangan Perak
47	Penyediaan Jadual Waktu Kuliah	UiTM Cawangan Perak
48	Prosedur Kawalan Dokumen	UiTM Cawangan Negeri Sembilan
49	Proses Mengurus Pelajar Praktikal Fakulti Pengurusan Maklumat UiTMJ	UiTM Cawangan Johor
50	Proses Penilaian Luar	Institut Kualiti & Pengembangan Ilmu

**Kategori: Pentadbiran (114 Proses)**

NO.	NAMA PROSES	PTJ
1	Pengambilan Calon Tunas Mekar	Malay Academy Of Sme & E'preneurship Dev
2	Pengurusan Lapor Diri Staf Baharu	Pejabat Pendaftar
3	Proses Lapor Diri Staf Baharu	Pejabat Pendaftar
4	Proses Pembayaran Ganjaran Dan Wang Tunai Gantian Cuti Rehat Yang Tidak Dihabiskan Kepada Staf Akademik/Pentadbiran Yang Tamat Kontrak	Pejabat Pendaftar
5	Pendaftaran Pelajar Lama Di Kolej Kediaman	Bahagian Hal Ehwal Pelajar
6	Proses Pendaftaran Pelajar Baru	Bahagian Hal Ehwal Pelajar
7	Prosedur Menganjurkan Aktiviti	Bahagian Hal Ehwal Pelajar
8	Pendaftaran Pelajar NR	Bahagian Hal Ehwal Pelajar
9	Proses Penerimaan Bahan Perpustakaan	Perpustakaan Tun Abdul Razak
10	Proses Semakan Bahan Silibus	Perpustakaan Tun Abdul Razak
11	Booking Made Easy	Institut Kepimpinan Dan Pembangunan(ILD)
12	Feedback2u	Institut Kepimpinan Dan Pembangunan(ILD)
13	Student Visa Payment Process Flowchart	Office Of International Affairs (OIA)
14	Student Visa Cancellation Process Flowchart	Office Of International Affairs (OIA)
15	Student Exchange (Outbound) Process Flowchart	Office Of International Affairs (OIA)
16	Proses Kemasukan Pelajar Pascasiswazah	Institut Pengajian Siswazah (IPSIS)
17	Prosedur Pengurusan Latihan	Fakulti Sains Gunaan
18	Prosedur Analisis Data	Fakulti Sains Gunaan
19	Happiness Index - Pencapaian Peribadi	Fakulti Senibina Perancangan Dan Ukur
20	Happiness Index - Proses Pentadbiran	Fakulti Senibina Perancangan Dan Ukur
21	Prosedur Pengurusan Latihan	Fakulti Senibina Perancangan Dan Ukur
22	Pengurusan Tuntutan Kerja Lebih Masa	Fakulti Senibina Perancangan Dan Ukur
23	Proses Pengambilan Darah Pesakit Klinik 1	Fakulti Perubatan
24	Proses Pengiktirafan Pakar Klinikal Fakulti Perubatan	Fakulti Perubatan
25	Proses Pendaftaran Pesakit Di Klinik 1	Fakulti Perubatan

NO.	NAMA PROSES	PTJ
26	P-02 Prosedur Kawalan Rekod (Bayaran Pembimbing Klinikal)	Fakulti Farmasi
27	FSK (O) 21 - Prosedur Perolehan Peralatan Pengajaran Dan Storan	Fakulti Sains Kesihatan
28	FSK (P) 01 - Prosedur Kawalan Dokumen	Fakulti Sains Kesihatan
29	FSK (P) 08 - Prosedur Pengurusan Latihan Staf	Fakulti Sains Kesihatan
30	FSK (P) 09 - Prosedur Penyediaan Anggaran Belanjawan Dan Pengurusan Perolehan	Fakulti Sains Kesihatan
31	Prosedur Pengurusan Dan Keberkesanan Latihan	Fakulti Kejuruteraan Awam
32	Prosedur Aduan Maklum Balas Pelanggan	Fakulti Kejuruteraan Awam
33	Prosedur Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan	Fakulti Kejuruteraan Awam
34	Prosedur Penyelenggaraan Ruang Pembelajaran Bilik Kuliah	Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi
35	Prosedur Audit Dalam	Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi
36	Prosedur Pengurusan Status Rekod Pelajar	Fakulti Komunikasi & Pengajian Media
37	Pengendalian Dan Penilaian Latihan Praktikal	Fakulti Komunikasi & Pengajian Media
38	Prosedur Promosi Program	Fakulti Komunikasi & Pengajian Media
39	Prosedur Permohonan Geran Penyelidikan	Fakulti Seni Lukis & Seni Reka
40	Proses Pelantikan, Pengagihan Tugas Dan Penyerahan Tugas Jawatan Pentadbir Akademik	Fakulti Seni Lukis & Seni Reka
41	Proses Pengagihan Serta Serahan Tugas Pentadbiran	Fakulti Seni Lukis & Seni Reka
42	Proses Pemantauan Dan Tindakan Peningkatan Kecemerlangan Dan Mutu Kerja	Fakulti Seni Lukis & Seni Reka
43	Proses Pengumpulan Maklumat Dan Data Skor Myra	Fakulti Seni Lukis & Seni Reka
44	Kawalan Dokumen V2.0	Fakulti Filem, Teater Dan Animasi
45	Kawalan Rekod V2.0	Fakulti Filem, Teater Dan Animasi
46	Tindakan Pembetulan V2.0	Fakulti Filem, Teater Dan Animasi
47	Tindakan Pencegahan V2.0	Fakulti Filem, Teater Dan Animasi

NO.	NAMA PROSES	PTJ
48	Proses Maklum Balas Pelanggan	Fakulti Muzik
49	Proses Pengurusan Penyelenggaraan Ruang	Fakulti Muzik
50	Proses Pinjaman Peralatan	Fakulti Muzik
51	Pengendalian Dan Penyelenggaraan Dokumen Dan Peralatan	Fakulti Perakaunan
52	Prosedur Analisis Data	Fakulti Perakaunan
53	Proses Penilaian LNPT	Fakulti Perakaunan
54	Permohonan Kenaikan Pangkat Staf Akademik	Fakulti Pengurusan Perniagaan
55	Permohonan Tuntutan Aktiviti Pelajar	Fakulti Pengurusan Perniagaan
56	FBM Training Approach	Fakulti Pengurusan Perniagaan
57	Pengurusan Penilaian Prestasi	Fakulti Pengurusan Perniagaan
58	Pengurusan Pelantikan Pentadbir Dan Jawatankuasa Dalam	Fakulti Pengurusan Maklumat
59	Pengurusan Tempahan Bilik Kuliah	Fakulti Pengurusan Maklumat
60	Pengurusan Fail Dan Rekod	Fakulti Pengurusan Maklumat
61	Pengendalian Makmal Dan Studio PK. UiTM.APB.(O).12	Akademi Pengajian Bahasa
62	Pengendalian Latihan Praktik /Industri	Akademi Pengajian Bahasa
63	Penyelenggaraan Peralatan & Ruang Pembelajaran	Akademi Pengajian Bahasa
64	Aduan & Maklumbalas Pelanggan (PK.UiTM.APB.(P).10)	Akademi Pengajian Bahasa
65	Kawalan Analisa Data PK.UiTM.APB.(P).12	Akademi Pengajian Bahasa
66	Audit Dalam (PK.UiTM.APB.(P).3)	Akademi Pengajian Bahasa
67	Proses Pengambilan Pelajar	Institut Pendidikan Neo (iNED)
68	Sistem e-Rekod	UiTM Kampus Puncak Alam
69	Pas Keselamatan Pintar	UiTM Kampus Puncak Alam
70	Operation Chiller@Puncak Alam	UiTM Kampus Puncak Alam
71	Cops Box	UiTM Kampus Puncak Alam
72	eRekod	UiTM Kampus Puncak Alam
73	Proses Pemeriksaan Keselamatan Keatas Pelanggan Di Pos Utama	UiTM Cawangan Sabah
74	Proses Mengendalikan Tempahan Bilik Perbincangan Dan Bilik Tayangan Perpustakaan	UiTM Cawangan Sabah
75	Proses Merancang, Mengendali Atau Menyelaras Program Misi Akademik Dan Khidmat Masyarakat Di Unit Kerjaya & Kaunseling (UKK).	UiTM Cawangan Sabah

NO.	NAMA PROSES	PTJ
76	Proses Kerja Program Outreach BPJIMA Melalui UCTC	UiTM Cawangan Sabah
77	Kelulusan Permohonan Menghadiri Kursus /Seminar/ Menganjur/ Kertas Kerja Melalui Edaran PPSM	UiTM Cawangan Sarawak
78	Proses Saman	UiTM Cawangan Sarawak
79	Pengurusan Zakat	UiTM Cawangan Sarawak
80	Aduan Pembaikan Kerosakan Di Kolej Kediaman	UiTM Cawangan Sarawak
81	Perkhidmatan Hiasan Bunga Majlis	UiTM Cawangan Sarawak
82	Pengendalian Kelas Kemahiran Maklumat	UiTM Cawangan Sarawak
83	Tempahan Bilik Di Blok Fakulti, Dewan Kuliah Dan Dewan Peperiksaan (HEA)	UiTM Cawangan Sarawak
84	Prosedur Tempahan Kenderaan (e-Kenderaan)	UiTM Cawangan Sarawak
85	Prosedur Pinjaman Peralatan Kemudahan Sukan	UiTM Cawangan Sarawak
86	Proses Pengendalian Peminjaman Kostum, Alat Siaraya Dan Peralatan Lain Kebudayaan	UiTM Cawangan Sarawak
87	Proses Pembaikan / Penyelenggaraan Kerosakan Kecil	UiTM Cawangan Kelantan
88	Proses Penyelenggaraan Bangunan Secara Gotong Royong	UiTM Cawangan Kelantan
89	Penyelenggaraan Peralatan AV & ICT Di Unit Infotech	UiTM Cawangan Terengganu
90	Perancangan Aktiviti Menguruskan Edaran Permohonan Latihan( Dalam Negeri/Luar Negara) UiTM Terengganu	UiTM Cawangan Terengganu
91	Kupon Keraian Staf Menghadiri Latihan/Bengkel/Kursus Dalaman Uitm Pahang	UiTM Cawangan Pahang
92	Menjmikat Kos Utiliti	UiTM Cawangan Perlis
93	Mengurangkan Kos Perkhidmatan Fasiliti	UiTM Cawangan Perlis
94	Penyelenggaraan Ruang Dan Peralatan Pembelajaran	UiTM Cawangan Perlis
95	Proses Lapor Diri Staf Dengan Menggunakan Aplikasi "1 Hour Survival Map"	UiTM Cawangan Kedah
96	Proses Permohonan Dan Kelulusan Aktiviti Keusahawanan	UiTM Cawangan Kedah
97	Proses Mengurus Inventori Peralatan Pengajaran Dan Pembelajaran	UiTM Cawangan Kedah
98	Pengurusan Kenderaan Melibatkan Pelajar	UiTM Cawangan Perak

NO.	NAMA PROSES	PTJ
99	Penyelenggaraan Komputer Sewaan Di Makmal	UiTM Cawangan Perak
100	Pemantauan Penggunaan Tenaga Elektrik	UiTM Cawangan Perak
101	Proses Pengurusan Kenaikan Pangkat Staf Akademik	UiTM Cawangan Melaka
102	Proses Pemakluman Perjalanan Kepada Pelanggan Oleh Pemandu	UiTM Cawangan Melaka
103	Proses Analisa Maklum Balas Peserta Aktiviti	UiTM Cawangan Melaka
104	Proses Pemantauan Kerja-Kerja Pembersihan	UiTM Cawangan Melaka
105	Proses Penyediaan Sijil Pelajar	UiTM Cawangan Johor
106	Proses Penganjuran Pertandingan Inovasi	UiTM Cawangan Johor
107	Proses Penyediaan Surat Permohonan Penyelidikan	UiTM Cawangan Johor
108	Proses Permohonan Kenderaan	UiTM Cawangan Johor
109	Proses Pengurusan Latihan Staff	UiTM Cawangan Johor
110	Proses Penilaian Luar Inqka	Institut Kualiti & Pengembangan Ilmu (InQKA)
111	Proses Pendaftaran Kumpulan Inovatif Dan Kreatif	Institut Kualiti & Pengembangan Ilmu (InQKA)
112	Proses Pengendalian Bengkel Penulisan Untuk Mencapai 6500 Manuskrip Bagi Memenuhi Inisiatif Penarafan Uitm	Institut Kualiti & Pengembangan Ilmu (InQKA)
113	Penghantaran Soalan Ujian Berterusan Kepada Kampus Cawangan	Bahagian Penilaian Akademik
114	Penghantaran Kertas Soalan Peperiksaan Khas Kepada Kampus Cawangan	Bahagian Penilaian Akademik

**Kategori: Kewangan (9 Proses)**

NO.	NAMA PROSES	PTJ
1	Proses Pembayaran Perpustakaan	Perpustakaan Tun Abdul Razak
2	e-Deferment	Institut Pengajian Siswazah (Ipsis)
3	Prosedur Pengurusan Makmal (Pembelian Bahan Kimia)	Fakulti Farmasi
4	Prosedur Penganjuran Aktiviti Pelajar	Fakulti Perakaunan
5	Pengurusan Zakat, Sedekah & Wakaf	Akademi Pengajian Islam Kontemporari
6	Proses Tindakan Pelupusan Harta & Inventori	UiTM Cawangan Sabah
7	Proses Penjanjaan Hasil Jangka Pendek	UiTM Cawangan Kelantan
8	Prosedur Bayaran Kepada Pembekal Uitm	UiTM Cawangan Terengganu
9	Pengurusan Kerosakan Minor Akademik	UiTM Cawangan Perak



# **Senarai Jawatankuasa**

**Senarai Jawatankuasa Induk**

Penaung	YBhg Prof Emeritus Dato' Dr. Hassan Said
Penasihat	YBhg Prof Dr. Hajah Roziah Mohd Janor
Pengerusi	Prof Madya Dr. Ts. Nik Rosli Abdullah
Timbalan Pengerusi	Puan Noor Azmah Zuber
Pengurus Projek	Puan Nurul Nadzirah Ismail
Ahli-ahli	Puan Fauzilah Idris Puan Khairunnisa Musa
Bendahari	Cik Norazah Mohamed Aznan

**Senarai Jawatankuasa Pelaksana**

<b>Pengurus Projek</b>	<b>Ketua:</b> Prof Madya Dr. Ts. Nik Rosli Abdullah  <b>Dibantu Oleh:</b> Puan Noor Azmah Zuber Puan Nurul Nadzirah Ismail
<b>Jawatankuasa Kewangan</b>	Cik Norazah Mohamed Aznan
<b>Jawatankuasa Jemputan/Komunikasi</b>	<b>Ketua:</b> Puan Noor Azmah Zuber  <b>Dibantu Oleh:</b> Puan Norlelawati Mohamad Adi Cik Nur Humairah Aini Mohd Fidzal Cik Wan Noor Aqilah Wan Bunyamin Zakry
<b>Jawatankuasa Protokol/Aturcara/ Juruacara dan Pembaca Doa</b>	Puan Nurul Nadzirah Ismail Puan Norlelawati Mohamad Adi Puan Khairunnisa Musa Puan Fauzilah Idris
<b>Jawatankuasa Penyambut Tetamu</b>	<b>Ketua:</b> Prof Madya Dr. Azizah Abdullah Dr. Nornizar Anuar Ir. Dr. Amirul Abd Rashid  <b>Dibantu Oleh:</b> Puan Nur Ayuni Salim Puan Nor Aini Kusaini Puan Nor Nazifah Abd Jamil Cik Nur Adila Zahari Cik Nurul Najwa Mat Jusoh Cik Nur Roslina Rosli
<b>Jawatankuasa Pendaftaran</b>	<b>Ketua:</b> Pn. Zuriati Janin Dr. Nor Hanisah Mohd Hashim  <b>Dibantu Oleh:</b> Puan Noor Sazila Md Sarip Puan Fazlina Abdul Rasid Puan Norhasnida Mohamad Cik Nur Humairah Aini Mohd Fidzal Cik Wan Noor Aqilah Wan Bunyamin Zakry

<b>Jawatankuasa Multimedia/Rakaman Video/Fotografi/Montaj</b>	<p><b>Ketua:</b> Prof Madya Rosslina Mohamed Nawi Encik Mohd Yusof Mustaffar</p> <p><b>Dibantu Oleh:</b> Encik Muhamad Riduan Jamil Encik Mohd Khaizir Kamarun Puan Fazlina Abdul Rasid Encik Franson Francis Kasun Encik Muhammad Mikhail Ahmad Encik Abdul Rahim Abd Majid</p>
<b>Jawatankuasa Buku Program/Grafik dan Pameran</b>	<p><b>Ketua:</b> Puan Dr. Rasidah Hamid</p> <p><b>Dibantu Oleh:</b> Puan Noor Sazila Md Sarip Encik Muhamad Zanjabil Mat Janum Encik M.Tuah Samsudin Cik Nur Adila Zahari Cik Nur Roslina Rosli Cik Nurul Najwa Mat Jusoh Cik Izza Syazira Ramli</p>
<b>Jawatankuasa Teks Ucapan</b>	Prof Madya Dr. Ts. Nik Rosli Abdullah
<b>Jawatankuasa Teknikal dan Logistik</b>	<p><b>Ketua:</b> Encik Mohd Zairul Masron</p> <p><b>Dibantu Oleh:</b> Encik Mohd Izwan Said Encik Nik Rosali Hassan Encik Umar Harun Encik Muhammad Mikhail Ahmad Encik Abdullah Husna Ibrahim</p>
<b>Jawatankuasa Keselamatan dan Kenderaan</b>	<p><b>Ketua:</b> Encik Azizian Mohd Sapawi</p> <p><b>Dibantu Oleh:</b> Encik Kamarudin Che Yusoff Encik M.Tuah Samsudin Encik Mohamad Harith Hamzan Encik Umar Harun</p>

<b>Jawatankuasa Hadiah dan Cenderahati VIP</b>	<b>Ketua:</b> Puan Nurul Nadzirah Ismail  <b>Dibantu Oleh:</b> Cik Nur Humairah Aini Mohd Fidzal Cik Wan Noor Aqilah Wan Bunyamin Zakry
<b>Jawatankuasa Persiapan Pentas</b>	<b>Ketua:</b> Dr. Hayati Abd Rahman  <b>Dibantu Oleh:</b> Puan Nor Aini Kusaini Cik Izza Syazira Ramli
<b>Jawatankuasa Pembentangan Projek Bagi Peserta OE</b>	<b>Ketua:</b> Dr. Fadzlina Mohd Fahmi  <b>Dibantu Oleh:</b> Puan Nor Nazifah Abd Jamil Cik Shafiza Izzatie Faizz Cik Izza Syazira Ramli
<b>Jawatankuasa Makanan</b>	Cik Norazah Mohamed Aznan Puan Fauzilah Idris Puan Nuryuhaini Khamis

## Catatan

## Penghargaan Kepada Penaja



Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)  
Aras 5, Blok A, Bangunan Akademik 2, 40450, Shah Alam, Selangor  
Tel: +603 5543 5702 Fax: +603 5543 5721  
<http://inqka.uitm.edu.my/>

